

**SEGERA**



**GARIS PANDUAN  
SAMBUTAN HARI RAYA IDILADHA  
DI SELURUH SARAWAK BAGI TAHUN 1442H/2021M**

Majlis Islam Sarawak mengambil maklum bahawa Hari Raya Idiladha disambut oleh seluruh umat Islam setiap tahun.

Walau bagaimanapun berdasarkan situasi wabak COVID-19 semasa dan peningkatan kes melibatkan *Variant of Concern* di Sarawak, Majlis Islam Sarawak memutuskan perkara-perkara seperti di bawah sepanjang sambutan Hari Raya Idiladha :-

1. Aktiviti-aktiviti yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:-

BIL	AKTIVITI DIBENARKAN	CATATAN
i.	Takbir Hari Raya	<p><b>Dibenarkan di Masjid &amp; Surau</b></p> <p>a) Takbir Muqayyad (Takbir mengiringi solat)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bermula Subuh 9 Zulhijjah sehingga Asar 13 Zulhijjah)</li> </ul> <p>b) Takbir Mursal (Takbir yang tidak mengiringi solat)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maghrib 10 Zulhijjah (malam hari raya) sehingga jam 0900 malam</li> <li>• Selepas solat Subuh sehingga Takbiratul Ihram Imam untuk solat hari raya</li> </ul>

ii.	Solat Sunat Idiladha	<p><b>Dibenarkan di Masjid &amp; Surau</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>dengan had jemaah dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter) seperti berikut :</li> </ul> <table border="1" data-bbox="638 369 1409 705"> <thead> <tr> <th>Kategori Masjid/Surau</th> <th>Had Jemaah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Masjid Jamek Negeri Sarawak</td> <td>Tidak melebihi 500 orang</td> </tr> <tr> <td>Bahagian/ Daerah/Daerah Kecil/Kariah</td> <td>Tidak melebihi 150 orang</td> </tr> <tr> <td>Surau</td> <td>Tidak melebihi 70 orang</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> <li>had jemaah adalah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Pengurusan</li> <li>Menggunakan pelitup hidung dan mulut (facemask) sepanjang masa</li> <li>Menjalani pengimbasan suhu badan</li> <li>Mendaftar kehadiran melalui Mysejahtera atau buku rekod sebelum masuk ke dalam masjid atau surau</li> <li>Membawa sejadah atau alas sujud sendiri</li> <li>Berwudhuk di rumah</li> <li>Tidak bersesak-sesak untuk masuk dan keluar masjid/ surau</li> <li>JKP hendaklah membuka semua pintu untuk jemaah bersurai</li> <li>Tidak bersalaman</li> </ul>	Kategori Masjid/Surau	Had Jemaah	Masjid Jamek Negeri Sarawak	Tidak melebihi 500 orang	Bahagian/ Daerah/Daerah Kecil/Kariah	Tidak melebihi 150 orang	Surau	Tidak melebihi 70 orang
Kategori Masjid/Surau	Had Jemaah									
Masjid Jamek Negeri Sarawak	Tidak melebihi 500 orang									
Bahagian/ Daerah/Daerah Kecil/Kariah	Tidak melebihi 150 orang									
Surau	Tidak melebihi 70 orang									

2. Aktiviti-aktiviti yang **TIDAK DIBENARKAN** adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN</b>	<b>CATATAN</b>
i.	Ibadah Korban	Ditangguhkan
ii.	Ziarah Hari Raya	Tidak Dibenarkan
iii.	Jamuan Selepas Solat Sunat Idiladha di Masjid atau Surau	Tidak Dibenarkan (hanya agihan makanan berbungkus dibenarkan)
iv.	Aktiviti Takbir dari Rumah ke Rumah	Tidak Dibenarkan
v.	Rumah Terbuka	Tidak Dibenarkan
vi.	Tahlil Selepas Solat Sunat Idiladha di Masjid atau Surau	Tidak Dibenarkan
vii.	Ziarah Kubur	Tidak Dibenarkan

3. Zon atau Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

Aktiviti- aktiviti berikut adalah **TIDAK DIBENARKAN** :

- i. **Solat Sunat Idiladha di Masjid atau Surau (Dilaksanakan di rumah masing-masing bersama ahli keluarga sahaja)**
- ii. **Takbir di Masjid atau Surau**

4. Semua SOP COVID-19 hendaklah dipatuhi sebagaimana yang ditetapkan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB), Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
5. Majlis Islam Sarawak dengan kelulusan JPBN boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.
6. Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa **daripada 9 Zulhijjah sehingga 13 Zulhijjah 1442H** atau mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.

#### **Arahan**

#### **Majlis Islam Sarawak**

**18 Julai 2021M bersamaan 8 Zulhijjah 1442H**